

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18 DECEMBER 2016

PM arah hakisan pantai di Nenasi segera ditangani

BH- 18/12/2016

Pekan: Datuk Seri Najib Razak mahu projek benteng menahan hakisan pantai di Nenasi, dekat sini, dilaksanakan secepat mungkin bagi mengelak risiko kerosakan struktur penempatan penduduk dan sekolah berhampiran.

Dalam lawatan itu, Najib diberi taklimat oleh Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang, Datuk Ir Shahrudin Ibrahim mengenai langkah diambil untuk me-

ngatasi hakisan pantai sepanjang dua kilometer (km) itu.

Pembinaan mulai Ogos 2017

Shahrudin berkata, pihaknya akan membina benteng menahan hakisan sepanjang 600 meter yang mengunjur ke kawasan yang mempunyai penduduk, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kee Hwa dan GiatMARA. Ia membabitkan kos RM5 juta dan sudah diluluskan untuk Rancangan

Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

"Kerja pembinaan akan bermula Ogos tahun depan dan dijangka siap dalam tempoh 10 bulan. Sebanyak RM25 juta lagi diperlukan bagi melaksanakan keseluruhan projek menahan hakisan pantai di Nenasi.

"Perdana Menteri minta kita laksanakan dulu projek sudah ada peruntukan dan beliau akan berusaha mendapatkan peruntukan tambahan pada masa depan," katanya ke-

Fakta
nombor

600 METER

jarak benteng
penahan hakisan

RM5 JUTA

kos bina benteng
penahan hakisan

tika ditemui selepas Najib meninjau kawasan hakisan pantai di sini, semalam.

Terdahulu di pekarangan Balai Bomba dan Penyelamat Nenasi, Perdana Menteri menyampaikan sumbangan peribadi kepada Mohd Rasid Mohd Daud, 47, bapa mangsa tiga beradik yang lemas di Kampung Permatang Jerek di sini, pada 5 Disember lalu.

Najib turut mengucapkan takziah kepada Mohd Rasid yang kehilangan Nor Aleeza Marliyana, 12; Mohamad Firdaus, 11 dan Nor Alia Mardiana, 7, yang lemas selepas keluar memancing di parit berhampiran rumah mereka.

Perdana Menteri juga meluangkan masa melawat veteran Wanita UMNO, Bidah Hamid, 78, di Kampung Sepauk dekat sini, yang lumpuh paras pinggang ke bawah.